

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status program vaksin di seluruh Malaysia dan bilakah kesemua rakyat akan selesai menerima kedua-dua dos vaksin COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sasaran untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan adalah untuk populasi dewasa selesai pada penghujung bulan Oktober 2021. Setakat 29 September 2021, kadar vaksinasi populasi dewasa telah mencapai sebanyak 94.1% individu telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala sebanyak 85.7% populasi dewasa telah lengkap divaksin. Melihat kepada pencapaian ini, MOSTI menerusi CITF optimis usaha PICK sedang berjalan mengikut landasan dan perancangan ditetapkan. Sebagai langkah mempercepatkan proses vaksinasi, pihak CITF melalui Operasi Lonjakan Kapasiti di Lembah Klang dan hasilnya kini, Kerajaan telah berjaya memvaksinasi hampir 100% populasi dewasa. Tindakan selanjutnya adalah *mop-up* baki populasi yang belum divaksinasi di sekitar Lembah Klang.

Sasaran berfokus yang terkini adalah untuk memastikan semua negeri mencapai sekurangnya-kurangnya 60% dewasa lengkap divaksinasi pada penghujung bulan September 2021, yang mana data kini menunjukkan keseluruhan negeri telah melepassi nilai ambang tersebut kecuali negeri Sabah yang dijangka akan mencapai sasaran pada 30 September 2021. Melalui usaha ini, Kerajaan percaya sasaran peralihan Fasa melalui Pelan Pemulihan Negara dapat dicapai mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

MOSTI melalui CITF juga akan terus memberi tumpuan pengagihan bekalan vaksin ke negeri-negeri yang mempunyai bilangan kes positif COVID-19 yang tinggi berdasarkan data semasa daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pada bulan Ogos 2021, antara negeri yang menjadi keutamaan dalam aktiviti pengagihan bekalan vaksin berdasarkan insiden wabak COVID-19 yang tinggi ialah Sabah, Selangor dan Johor. Sekiranya kapasiti vaksinasi ini dilaksanakan mengikut perancangan tanpa gangguan terhadap stok bekalan vaksin sedia ada, sasaran Kerajaan supaya semua populasi dewasa negara lengkap dos vaksin pada penghujung bulan Oktober 2021 dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.